

# **GARIS PANDUAN & SENARAI SEMAK PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEPERIKSAAN TESIS**

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEPERIKSAAN TESIS  
BERDASARKAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(GRADUATE STUDIES) RULES 2003**

**51. Final Examination for Programme with Thesis**

**A. Appointment of Thesis Examination Committee**

- (i) Members of the Thesis Examination Committee shall be appointed by the Dean upon endorsement of the University Graduate Studies Committee or its equivalent at the recommendation of the relevant Faculty/Institute. The Committee shall comprise a chairman and three examiners for PhD and two examiners for Master, of which at least one shall be the external examiner.

(Senate 595.13)
- (ii) The Chairman of the Thesis Examination Committee shall be nominated from amongst academic members of the Faculty/Institute/School where the student is placed. The main roles of the chairman are to moderate the viva voce and submit a report of the examination to the School.
- (iii) The examiners shall be appointed from amongst academic staff or researchers of appropriate seniority, and shall have the expertise and an established reputation in the area of the thesis topic. The examiners must have a PhD or equivalent graduate professional qualification, unless with endorsement of the Senate.
- (iv) The internal examiner must be an academic staff member of the University but he must not be a member of the supervisory committee.
- (v) The external examiner is an independent examiner who must not be a member of the University. He also must not be a member of the supervisory committee.
- (vi) Members of the Thesis Examination Committee shall not in any manner be personally related to each other, to the supervisory committee or to the student who is being examined. A personal relationships is defined as:
  - (a) a family relationship; or
  - (b) a business/commercial/financial relationship; or
  - (c) any other personal relationships which may give rise to conflict of interest in the workplace.

(Senate 604.15)
- (vii) The appointment of the thesis examination committee for the jointly awarded/dual degree student is subject to any other requirement as specified in the MoA between the two institutions.

(Senate 566.03)

## SENARAI SEMAK PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEPERIKSAAN TESIS

### Pengerusi JK Peperiksaan Tesis

1. Mempunyai kelulusan PhD atau kelayakan profesional, berpengalaman menyelia serta pernah menilai tesis pelajar siswazah.
2. Berkeupayaan bertindak sebagai moderator viva.
3. Pengerusi adalah ahli Fakulti atau berada dalam kluster yang sama.
4. Pengerusi:
  - (a) berjawatan Profesor; atau
  - (b) mana-mana pensyarah yang telah menggraduatkan dua (2) orang pelajar Master untuk peringkat Master dan untuk peringkat PhD, telah menggraduatkan dua (2) pelajar PhD; atau
  - (c) mana-mana pegawai akademik yang pernah atau berpengalaman menjadi pemeriksa luar mengikut kategori program (jika hanya mempunyai seorang pelajar bergraduati).
5. Bilangan tesis yang belum diterima tidak boleh melebihi 10 naskhah.
6. Kadar bayaran Pengerusi adalah RM150.00 (untuk PhD)/RM100.00 (untuk Master)

### Pemeriksa Dalam

1. Pemeriksa telah menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar mengikut kategori program.
2. Bidang bersesuaian dengan penyelidikan pelajar/tesis yang akan dinilai dan bukan ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
3. Ada tandatangan/emel/bukti persetujuan dilantik sebagai pemeriksa dan bersetuju menilai tesis dalam tempoh 2 bulan selepas tesis diterima.
4. Bilangan tesis yang belum diterima tidak boleh melebihi lima (5) naskhah.
5. Kadar bayaran Pemeriksa Dalam adalah:
  - (a) RM400.00 (dlm tempoh 60 hari) @ RM300.00 (>60 hari 180 hari) (untuk PhD)
  - (b) RM300.00 (dlm tempoh 60 hari) @ RM200.00 (>60 hari 180 hari) (untuk Master)

### Pemeriksa Luar

1. Pemeriksa Luar yang dilantik bagi tesis Master dan PhD perlu mempunyai sekurang-kurangnya 10 penerbitan terkini yang signifikan dalam jurnal/buku.
2. Pemeriksa untuk tesis PhD perlu berjawatan Prof. Madya Dr./Prof. Dr. dari Universiti dan dari Luar Negara (kecuali tesis dalam Bahasa Melayu).
3. Pemeriksa telah menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar mengikut kategori program.
4. Pemeriksa Luar tidak pernah menjalinkan kerjasama dengan ahli Jawatankuasa Penyeliaan, pelajar dan juga ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis (dalam tempoh 5 tahun) (cth: terlibat dalam penerbitan atau penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar dll).

5. Kelayakan dan bidang kepakaran adalah bersesuaian dengan penyelidikan pelajar/ tesis pelajar yang dinilai.
6. Ada emel/surat persetujuan dilantik sebagai pemeriksa dan bersetuju menilai tesis dalam tempoh 2 bulan selepas tesis diterima.
7. Pemeriksa Luar daripada Negara yang sama dengan pelajar tidak digalakkan.
8. CV mengikut format seperti yang telah ditetapkan.
9. Pensyarah yang tidak lagi berkhidmat dengan UPM dan meneruskan perkhidmatan di mana-mana Universiti lain boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar selepas lima (5) tahun tempoh persaraan/kontrak.
10. Kadar bayaran Pemeriksa Luar adalah:
  - (a) RM750.00 (dalam negara) @ USD200 (luar negara) (untuk PhD)
  - (b) RM400.00 (dalam negara) @ USD150 (luar negara) (untuk Master)

### **Penolong Pengerusi**

(Berperanan menyediakan laporan viva untuk semakan dan pengesahan Pengerusi serta pemeriksa, dan akan diedarkan terus kepada pelajar pada akhir sesi viva.)

1. Pensyarah muda – yang baru menamatkan pengajian dan berjawatan pensyarah kanan tidak melebihi tempoh lima (5) tahun.
2. Kadar bayaran Penolong Pengerusi adalah RM150.00 (untuk PhD)/RM100.00 (untuk Master)

### **Syarat Tambahan Lantikan Pemeriksa untuk Pelajar dalam Kalangan Pegawai UPM:**

Pelajar PhD yang bakal berkhidmat sebagai pensyarah di UPM, tesis pelajar wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya tiga (3) orang pemeriksa dengan dua (2) daripadanya ialah pemeriksa luar.

[Rujukan Surat: JPT(KP)1000/019/07 Jld. 14(48) bertarikh 6 Oktober 2015]